

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[ BELURAN ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [ BELURAN ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi memastikan prinsip “*non-militarization*” di kawasan Laut China Selatan dihormati oleh semua pihak khususnya kuasa-kuasa besar seperti China dan Amerika Syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu Laut China Selatan merupakan suatu isu yang sensitif dan kompleks. Sehubungan dengan itu, ia memerlukan satu pendekatan yang komprehensif untuk mengelakkan ketegangan antara pihak-pihak yang berkaitan.

3. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau, Malaysia berpendirian semua pihak perlu menghormati undang-undang antarabangsa, menyelesaikan sebarang pertelingkahan secara aman, dan mengelakkan penggunaan kekerasan atau ancaman kekerasan.

## NO. SOALAN : 3

4. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mencadangkan prinsip *non-militarisation* di Laut China Selatan supaya ianya menjadi satu perairan yang aman, stabil dan kondusif untuk perdagangan. Perairan yang aman tanpa sebarang konflik ini juga secara tidak langsung dapat mengukuhkan kerjasama di antara negara-negara serta meningkatkan salinghubungan (*connectivity*), di samping dapat mengeratkan hubungan antara komuniti serantau. Laut China Selatan tidak seharusnya dijadikan atau dilihat sebagai punca konflik antara negara.
5. Kerajaan Malaysia secara konsisten di dalam forum-forum peringkat serantau dan antarabangsa seperti persidangan-persidangan ASEAN, ASEAN Regional Forum dan juga PBB mengenengahkan konsep-konsep kawal diri (*self-restraint*) dan “*non-militarization*” pihak-pihak berkaitan di Laut China Selatan supaya tidak menggunakan kekerasan atau ancaman kekerasan.
6. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyarankan untuk mengawal kehadiran kapal-kapal perang di Laut China Selatan. Pengawalan kehadiran kapal-kapal perang ini merupakan usaha-usaha ke arah “*non-militarization*” di Laut China Selatan. Peningkatan kehadiran kapal-kapal perang boleh menyumbang kepada keadaan yang tegang dan risiko konflik antara pihak-pihak berkaitan. Namun, Malaysia tiada halangan terhadap hak kebebasan pelayaran (*freedom of navigation*) seperti yang diperuntukkan di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982.
7. Sebagai sebuah negara penuntut yang mempunyai kepentingan dalam Laut China Selatan, Malaysia tidak mahu terperangkap dalam konflik kuasa-kuasa besar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Beluran. Sebarang tindakan yang menggugat keamanan dan kestabilan serantau sudah tentu tidak akan mendatangkan faedah kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sebagai langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

9. Menerusi DOC, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk membina dan meningkatkan keyakinan, terutamanya antara negara-negara penuntut, berhubung isu Laut China Selatan.

10. Pada masa yang sama, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, **Code of Conduct in the South China Sea (COC)**. COC dilihat sebagai satu usaha untuk memastikan pihak-pihak di Laut China Selatan mengelakkan konflik antara satu sama lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

11. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Dalam masa yang sama, usaha-usaha secara diplomasi juga diambil untuk menerangkan kepada dan mempengaruhi masyarakat antarabangsa supaya menghormati undang-undang antarabangsa dan tidak mengambil tindakan yang boleh menjaskan keamanan dan kestabilan rantau ini.

Sekian, terima kasih.